



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

INSENTIF CUKAI MODAL TEROKA

KETETAPAN UMUM NO. 7/2022

TARIKH PENERBITAN: 23 DISEMBER 2022



Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi kedua

Edisi pertama pada 9 Mei 2016

© 2022 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Industri Modal Teroka di Malaysia	2
5. Rangka Kerja Pengawalseliaan bagi Industri Modal Teroka	5
6. Insentif Pengecualian Cukai untuk Sebuah Syarikat Modal Teroka yang Melabur dalam Sebuah Syarikat Teroka	5
7. Insentif Potongan Cukai untuk Seorang Individu atau Sebuah Syarikat yang Melabur dalam Syarikat Teroka atau Syarikat Modal Teroka	8
8. Saling Eksklusif	15
9. Insentif Cukai bagi Sebuah Syarikat Pengurusan Modal Teroka	16
10. Permohonan Perakuan Pelaburan untuk Pengecualian Cukai dan Potongan Cukai dalam suatu Syarikat Teroka dan Syarikat Modal Teroka	17
11. Kemaskini dan Pindaan	17
12. Penafian	18

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menjelaskan insentif cukai berhubung dengan industri modal teroka di Malaysia.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 7 dan 8.
- 2.3 Perundangan subsidiari berkaitan yang dirujuk dalam KU ini adalah seperti berikut:
 - (a) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 2) 2022 [P.U.(A) 115/2022]. P.U.(A) ini menggantikan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 11) 2005 [P.U.(A) 75/2005], Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (Pindaan) (No. 2) 2006 [P.U.(A) 420/2006] dan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (Pindaan) 2009 [P.U.(A) 159/2009];
 - (b) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.3) 2022 [P.U.(A) 116/2022]. P.U.(A) ini menggantikan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.12) 2005 [P.U.(A) 77/2005]; dan
 - (c) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam suatu Syarikat Teroka atau Syarikat Modal Teroka) 2022 [P.U.(A) 117/2022]. P.U.(A) 117/2022 ini menggantikan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam suatu Syarikat Teroka) 2005 [P.U.(A) 76/2005].

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 "Individu" bermaksud orang biasa.
- 3.2 "Pemastautin" bermaksud bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran seperti mana ditentukan di bawah seksyen 7 atau 8 ACP.

- 3.3 "Pendapatan berkanun" berhubung dengan seseorang, punca dan tahun taksiran, bermaksud pendapatan berkanun yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.4 "Pendapatan larasan" berhubung dengan punca dan tempoh asas, bermaksud pendapatan larasan yang ditentukan mengikut ACP.
- 3.5 "Suruhanjaya Sekuriti Malaysia" bermaksud Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM) yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [Akta 498].
- 3.6 "Syarikat" bermaksud suatu pertubuhan perbadanan dan termasuklah mana-mana kumpulan orang yang ditubuhkan dengan suatu entiti undang-undang yang berasingan oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia dan suatu amanah perniagaan.
- 3.7 "Tahun asas" bermaksud tahun kalendar yang bertepatan dengan suatu tahun taksiran itu.
- 3.8 "Tahun taksiran" bermaksud tahun kalendar.

4. Industri Modal Teroka di Malaysia

- 4.1 Modal teroka adalah modal kewangan yang diberikan oleh individu, syarikat atau Syarikat Modal Teroka (SMT) kepada syarikat permulaan yang berpotensi tinggi dan pertumbuhan berisiko tinggi di peringkat awal. Pelabur (individu dan syarikat, termasuk SMT) yang dirujuk sebagai pelabur modal teroka mengambil risiko tinggi apabila melabur dalam Syarikat Teroka (ST) di peringkat permulaan. Dalam kebanyakan kes, ST akan memberi pelabur sebahagian daripada keuntungan ST melalui ekuiti saham.
- 4.2 SMT bermaksud suatu syarikat yang:
 - (a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] untuk mendapatkan dana daripada pelabur (modal ekuiti) atau pinjaman modal, yang dilabur dalam satu atau lebih ST dalam bentuk pembiayaan modal benih, pembiayaan permulaan atau pembiayaan peringkat awal;
 - (b) berdaftar dengan SSM; dan
 - (c) telah disahkan oleh SSM bahawa syarikat itu memenuhi syarat kelayakan di bawah P.U.(A) 115/2022 atau P.U.(A) 117/2022.

4.3 ST bermaksud suatu syarikat yang:

- (a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777];
- (b) bermastautin di Malaysia dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran; dan
- (c) terlibat dalam penggunaan pembiayaan modal benih, pembiayaan permulaan atau pembiayaan peringkat awal bagi:
 - (i) aktiviti atau keluaran yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [Akta 327] apabila ST telah diberikan insentif cukai seperti taraf perintis atau elaun cukai pelaburan;
 - (ii) aktiviti perniagaan berasaskan teknologi sebagaimana yang dinyatakan dalam garis panduan berhubung insentif cukai modal teroka yang dikeluarkan oleh SSM;
 - (iii) keluaran atau aktiviti yang telah dibangunkan di bawah skim penyelidikan dan pembangunan yang diluluskan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; atau
 - (iv) keluaran, perkhidmatan atau aktiviti yang telah dibangunkan di bawah skim geran penyelidikan, pembangunan dan pengkormersialan yang diluluskan oleh Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd.

4.4 Syarikat Pengurusan Modal Teroka (SPMT) bermaksud suatu syarikat yang:

- (a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 untuk menguruskan pelaburan sekuriti sesebuah ST bagi pihak SMT pada peringkat perniagaan yang berbeza iaitu pembiayaan modal benih, permulaan atau peringkat awal;
- (b) berdaftar dengan SSM; dan
- (c) bagi maksud pengecualian cukai, telah disahkan oleh SSM:
 - (i) mempunyai bilangan pekerja sepenuh masa yang mencukupi di Malaysia; dan

- (ii) melakukan perbelanjaan operasi tahunan yang mencukupi di Malaysia,

bagi setiap tahun taksiran yang SPMT itu dikecualikan daripada pembayaran cukai pendapatan.

Nota

Definisi ST, SMT dan SPMT telah dikemaskini mengikut Garis Panduan Insentif Cukai Modal Teroka yang dikeluarkan oleh SSM. Walau bagaimanapun, definisi tersebut masih mengikut Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) dan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan yang relevan (seperti yang disebut di perenggan 2.3 KU ini).

- 4.5 Maksud pembiayaan modal benih, pembiayaan permulaan dan pembiayaan peringkat awal yang disebut di atas adalah seperti berikut:

“Pembiayaan modal benih” bermaksud pembiayaan yang diperuntukkan oleh seorang individu atau sebuah syarikat kepada sebuah ST bagi tujuan penyelidikan, penilaian dan pembangunan suatu konsep permulaan atau prototaip, dalam keadaan di mana struktur organisasi ST belum dirasmikan.

“Pembiayaan permulaan” bermaksud pembiayaan yang diperuntukkan oleh seorang individu atau sebuah syarikat kepada sebuah ST bagi pembangunan keluaran dan pemasaran permulaan, di mana ST sedang dalam proses merasmikan struktur organisasinya, atau jika struktur organisasinya telah dirasmikan, ST belum menjual keluarannya secara komersil.

“Pembiayaan peringkat awal” bermaksud pembiayaan yang diperuntukkan oleh seorang individu atau sebuah syarikat kepada sebuah ST sebagai:

- (a) perbelanjaan modal atau modal kerja bagi memulakan pengkomersialan suatu teknologi atau keluaran;
- (b) perbelanjaan modal tambahan atau modal kerja tambahan bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran, pemasaran atau pembangunan keluaran; atau
- (c) suatu pembiayaan interim bagi sebuah ST yang dijangka disenaraikan dalam senarai rasmi suatu bursa saham.

5. Rangka Kerja Pengawalseliaan bagi Industri Modal Teroka

SSM telah diamanahkan untuk menilai dan memperakui permohonan bagi insentif cukai untuk industri modal teroka mengikut Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan dan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) yang relevan. SSM telah mengeluarkan Garis Panduan mengenai Pendaftaran SMT dan Ekuiti Swasta dan Syarikat Pengurusan (dipinda pada 16 April 2020), dan Garis Panduan Insentif Cukai Modal Teroka (dipinda pada 28 Jun 2022) yang terdapat di laman sesawang SSM di www.sc.com.my.

6. Insentif Pengecualian Cukai untuk Sebuah Syarikat Modal Teroka yang Melabur dalam Sebuah Syarikat Teroka

Sebuah SMT boleh memohon untuk pengecualian cukai di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) yang berkaitan seperti yang dinyatakan di perenggan 2.3 KU ini.

6.1 Pengecualian cukai

SMT adalah dikecualikan daripada pembayaran cukai berkenaan dengan pendapatan berkanun:

- (a) daripada semua punca pendapatan tidak termasuk pendapatan faedah yang berbangkit daripada simpanan atau simpanan tetap dan keuntungan daripada deposit yang berlandaskan Syariah, bermula dari tahun taksiran dalam tempoh asas SMT itu mendapat perakuan pertama daripada SSM dan perakuan pertama itu tidak boleh lewat daripada 31 Disember 2026; dan
- (b) bagi tempoh lima tahun taksiran atau baki hayat dana yang ditubuhkan bagi tujuan untuk melabur dalam suatu ST, mengikut yang mana lebih pendek.

Permohonan bagi pengecualian di bawah Perintah ini hendaklah dibuat kepada Menteri melalui SSM pada atau selepas 27 Oktober 2017 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2023.

6.2 Syarat-syarat kelayakan bagi pengecualian cukai

Untuk mendapat pengecualian seperti yang dinyatakan dalam perenggan 6.1 KU ini, SMT hendaklah bagi setiap tahun taksiran bagi sepanjang tempoh pengecualian, mendapatkan perakuan daripada SSM yang mengesahkan bahawa:

- (a) SMT telah melabur sekurang-kurangnya 50% daripada dana yang dilaburkannya dalam bentuk pembiayaan modal benih, pembiayaan permulaan, pembiayaan peringkat awal atau mana-mana gabungan pembiayaan tersebut dalam ST;
- (b) SMT telah berdaftar dengan SSM pada atau selepas 27 Oktober 2017 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2023; dan
- (c) SMT tidak melabur dalam sebuah ST yang merupakan syarikat berkaitannya semasa pelaburan pertama dibuat.

Istilah syarikat berkaitan yang disebut di atas mempunyai maksud berikut:

“Syarikat berkaitan” berhubungan dengan sesuatu syarikat, bermaksud suatu syarikat:

- (a) yang pengendaliannya dikawal atau boleh dikawal sama ada secara langsung atau secara tidak langsung, oleh syarikat yang mula-mula disebut;
- (b) yang mengawal atau boleh mengawal, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung, pengendalian syarikat yang mula-mula disebut; atau
- (c) yang pengendaliannya dikawal atau boleh dikawal, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung, oleh seseorang yang mengawal atau boleh mengawal, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung, pengendalian syarikat yang mula-mula disebut.

Dengan syarat bahawa sesuatu syarikat hendaklah disifatkan sebagai suatu syarikat berkaitan kepada suatu syarikat lain jika:

- (i) sekurang-kurangnya 20% daripada modal saham diterbitkannya dimiliki secara benefisial, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung, oleh syarikat yang lain itu; atau
- (ii) sekurang-kurangnya 20% daripada modal saham diterbitkan syarikat yang lain itu dimiliki secara benefisial, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung, oleh syarikat yang pertama disebut.

Contoh 1

Sebuah SMT telah ditubuhkan pada tahun 2016. Pada tahun 2018 SMT tersebut telah membuat pelaburan pertamanya dan melabur 80% daripada dana pelaburannya dalam sebuah ST permulaan. ST berkenaan terlibat dalam kejuruteraan genetik yang tersenarai sebagai aktiviti perniagaan berasaskan teknologi. Kedua-dua SMT dan ST bukan syarikat berkaitan. Tempoh perakaunan kewangan SMT berakhir pada 31 Disember setiap tahun. SMT telah mendapat perakuan daripada SSM mengesahkan bahawa ia telah melabur sekurang-kurangnya 50% daripada dana pelaburannya dalam ST bagi tahun berakhir 31.12.2018.

Memandangkan SMT telah mendapat perakuan daripada SSM bahawa ia telah melabur sekurang-kurangnya 50% daripada dana pelaburannya dalam ST bagi tahun taksiran 2018, syarikat layak mendapat pengecualian cukai berkenaan dengan pendapatan berkanun daripada semua punca pendapatan tidak termasuk pendapatan faedah yang berbangkit daripada simpanan atau simpanan tetap dan keuntungan daripada deposit yang berlandaskan Syariah. Pengecualian cukai adalah bagi tempoh lima tahun taksiran bermula dari tahun taksiran 2018 atau bagi baki hayat dana ditubuhkan bagi tujuan melabur dalam sebuah ST, mengikut yang mana lebih pendek dengan syarat bahawa perakuan tahunan diperolehi daripada SSM.

Contoh 2

Sebuah SMT ditubuhkan pada 16.11.2015 (tahun berakhir setiap 31 Disember). Pada 1.3.2016 syarikat membuat pelaburan pertama dalam bentuk modal benih dan melabur 60% daripada dana pelaburannya dalam sebuah ST. ST berkenaan terlibat dalam aktiviti penanaman hasil organik, suatu aktiviti yang tidak tersenarai sebagai aktiviti perniagaan berasaskan teknologi. Kedua-dua SMT dan ST bukan syarikat berkaitan. Pada 1.9.2017, pembiayaan tambahan diberikan oleh SMT untuk pembiayaan permulaan.

Pada 1.5.2018, pembiayaan tambahan telah diberikan sebagai pembiayaan peringkat awal. SMT telah mendapat perakuan daripada SSM mengesahkan bahawa syarikat telah melabur:

- (a) dana dalam bentuk modal benih pada tahun 2016;
- (b) pembiayaan permulaan tambahan pada tahun 2017; dan

- (c) modal kerja tambahan pada tahun 2018 untuk pembiayaan peringkat awal.

Memandangkan SMT telah memenuhi syarat pembiayaan modal benih dan modal tambahan bagi pembiayaan permulaan dan peringkat awal dalam sesuatu aktiviti yang tidak tersenarai sebagai aktiviti perniagaan berasaskan teknologi seperti yang disahkan oleh SSM, ia layak mendapat pengecualian cukai bagi tahun taksiran 2018. Pengecualian cukai adalah bagi tempoh lima tahun taksiran bermula dari tahun taksiran 2018 atau untuk baki hayat dana yang ditubuhkan bagi tujuan melabur dalam suatu ST, mengikut yang mana lebih pendek dengan syarat bahawa perakuan tahunan diperolehi daripada SSM.

Nota

Bagi tahun taksiran 2016 dan 2017, SMT tidak layak mendapat pengecualian cukai di bawah P.U.(A) 75/2005 memandangkan ia hanya memperuntukkan pembiayaan modal benih dan pembiayaan permulaan kepada sebuah ST yang terlibat dalam aktiviti yang tidak tersenarai sebagai aktiviti perniagaan berasaskan teknologi.

6.3 Kerugian daripada pelupusan pelaburan

Jika sebuah SMT menanggung kerugian daripada pelupusan pelaburan dalam sebuah ST dalam suatu tempoh asas bagi mana-mana tahun taksiran dalam tempoh pengecualian, kerugian itu hendaklah dibawa ke hadapan bagi tempoh selepas pengecualian dan dipotong daripada pendapatan berkanun ke atas semua punca pendapatan.

6.4 Peruntukan kecualian semasa pembatalan Perintah

Sebuah SMT yang telah diberi pengecualian di bawah Perintah yang dibatalkan akan terus menikmati pengecualian tersebut bagi baki tahun taksiran dalam tempoh pengecualian SMT itu.

7. Insentif Potongan Cukai untuk Seorang Individu atau Sebuah Syarikat yang Melabur dalam Sebuah Syarikat Teroka atau Syarikat Modal Teroka

Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam suatu Syarikat Teroka atau Syarikat Modal Teroka) 2022 [P.U.(A) 117/2022] memperuntukkan potongan cukai kepada seorang pelabur yang melabur dalam sebuah ST dan SMT mulai tahun taksiran 2018. Peruntukan Kaedah-Kaedah tersebut adalah seperti

berikut:

7.1 Pelabur yang layak mendapat potongan cukai

7.1.1 Seorang individu atau sebuah syarikat, termasuk sebuah SMT berhak menuntut potongan dalam menentukan pendapatan larasan daripada perniagaan bagi suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran satu jumlah yang bersamaan dengan:

- (a) nilai pelaburan yang dibuat dalam suatu ST; atau
- (b) nilai pelaburan atau dua puluh juta ringgit, yang mana terkurang, dalam suatu SMT.

7.1.2 Individu atau syarikat itu, termasuk sebuah SMT:

- (a) bermastautin di Malaysia;
- (b) bagi suatu syarikat, diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016;
- (c) mempunyai suatu punca perniagaan; dan
- (d) melabur dalam sebuah ST dalam bentuk pembiayaan permulaan, pembiayaan modal benih atau pembiayaan peringkat awal bagi keluaran atau aktiviti yang tersenarai dalam subperenggan 4.3(c) KU ini; atau
- (e) melabur dalam sebuah SMT, dimana SMT tersebut melabur dalam satu atau lebih ST dalam bentuk pembiayaan modal benih, pembiayaan permulaan atau pembiayaan peringkat awal.

7.2 Pelaburan yang dibuat hendaklah disifatkan telah dilakukan selepas tahun ketiga daripada tarikh pelaburan dibuat dan tempoh pegangan pelaburan tersebut diperakukan oleh SSM.

Potongan cukai diberikan selepas tahun ketiga daripada tarikh pelaburan dibuat sebagaimana yang diperakukan oleh SSM, dan bukan pada masa pelaburan dibuat, dengan tidak mengambilkira sama ada pelaburan itu dilupuskan atau tidak selepas tahun ketiga tersebut.

7.3 Syarat-syarat kelayakan bagi potongan

Bagi mendapat potongan, syarikat atau individu hendaklah membuat pelaburan pada atau selepas 27 Oktober 2017 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2026 dan mendapatkan perakuan daripada SSM yang mengesahkan bahawa:

- (a) pelaburan itu adalah dalam bentuk pemegangan saham yang pada masa perolehan tidak disenaraikan bagi sebut harga dalam senarai rasmi suatu bursa saham;
- (b) berhubung dengan pelaburan dalam suatu ST:
 - (i) pada masa pelaburan pertama dibuat, berhubung dengan sebuah syarikat, pelaburan itu dibuat dalam ST yang bukan merupakan syarikat berkaitannya;
 - (ii) pelaburan telah dibuat dengan memperuntukkan pembiayaan modal benih, pembiayaan permulaan atau pembiayaan peringkat awal;
- (c) berhubung dengan pelaburan dalam suatu SMT:
 - (i) sekurang-kurangnya 50% pelaburan SMT itu adalah dalam suatu ST, secara purata sepanjang tempoh tiga tahun berdasarkan penyata kewangan tahunan SMT yang telah diaudit;
 - (ii) pada masa pelaburan pertama dibuat, berhubung dengan sebuah syarikat, pelaburan itu dibuat oleh syarikat itu dalam SMT yang bukan merupakan syarikat berkaitannya dan bagi pelaburan oleh SMT pula, pelaburan tersebut dibuat dalam ST yang bukan merupakan syarikat berkaitan kepada syarikat yang melabur di dalam SMT tersebut
- (d) pelaburan itu dipegang sekurang-kurangnya tiga tahun daripada tarikh pelaburan itu dibuat.

7.4 Peruntukan kecualian semasa pembatalan Perintah

Suatu syarikat atau seorang individu yang telah membuat pelaburan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran sebelum tahun taksiran 2018 dan mematuhi peruntukan P.U.(A) 117/2022 ini tetapi belum memohon potongan di bawah

P.U.(A) 76/2005 yang dibatalkan adalah layak untuk memohon potongan di bawah P.U.(A) 117/2022 ini.

Contoh 3

Elyias berhasrat untuk melabur dalam suatu usaha niaga baharu dalam robotik. Sebuah syarikat baharu Robot Malaysia Sdn Bhd (ST) telah diperbadankan bagi usaha niaga ini. Elyias hanya memperuntukkan pembiayaan modal benih dan pembiayaan peringkat awal bagi usaha niaga ini dan tidak terlibat secara aktif dalam pengurusan ST kerana beliau mempunyai kepentingan perniagaan yang lain. Elyias memohon untuk potongan cukai memandangkan robotik adalah satu aktiviti perniagaan berasaskan teknologi yang disenaraikan dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh SSM bagi Insentif Cukai Modal Teroka.

Elyias telah membuat pelaburan dan mendapat pulangan berikut:

- (a) Pada 1.3.2015, saham modal berbayar awal Robot Malaysia Sdn Bhd adalah 10 juta saham @ RM1 sesaham. Elyias mengambil 50% daripada saham-saham dengan kos RM5 juta.

Robot Malaysia Sdn Bhd menggunakan modal saham berbayar awal yang diperolehi untuk:

- (i) penyelidikan, penilaian dan pembangunan keluaran robotik; dan
 - (ii) perbelanjaan modal dan modal kerja untuk memulakan pengkomersialan keluaran tersebut.
- (b) Pada 1.3.2018, Robot Malaysia Sdn Bhd mendapat dana tambahan sebanyak 2 juta saham (@ RM1 sesaham) untuk digunakan sebagai modal kerja untuk pembangunan dan pemasaran keluaran.

Elyias mengambil 10% daripada saham tambahan dengan kos RM200,000.

- (c) Pada 15.12.2018, semasa penyenaraian Robot Malaysia Sdn Bhd di Bursa Malaysia, Elyias menjual kesemua 5.2 juta sahamnya dalam syarikat itu dan merealisasikan keuntungan sebanyak RM10 juta.

Elyias mempunyai pendapatan larasan perniagaan (milik tunggal) bagi setiap tahun berakhir 31 Disember seperti berikut:

Tahun Taksiran	2016 RM	2017 RM	2018 RM
Pendapatan larasan	2,000,000	3,500,000	6,000,000
Elaun modal	100,000	100,000	100,000
Dividen (satu peringkat)	50,000	50,000	50,000

Pelaburan yang dibuat oleh Elyias dalam Robot Malaysia Sdn Bhd digunakan oleh ST untuk pembiayaan modal benih dan pembiayaan peringkat awal.

Memandangkan Elyias telah melupakan pelaburan di dalam ST pada tahun taksiran 2018, beliau layak menuntut potongan sebanyak RM5 juta atas kos pelaburan saham dalam ST bagi tahun taksiran 2018 kerana:

- (i) beliau bermastautin di Malaysia dan mempunyai punca perniagaan di Malaysia;
- (ii) beliau telah melabur dengan memperuntukkan pembiayaan modal benih dan pembiayaan peringkat awal dalam sebuah ST yang terlibat dalam aktiviti perniagaan berasaskan teknologi seperti yang disenaraikan dalam Garis Panduan Insentif Cukai Modal Teroka;
- (iii) beliau telah memperuntukkan modal kerja awal kepada ST pada tahun 2015;
- (iv) beliau telah mendapat perakuan daripada SSM yang mengesahkan butiran relevan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 7.3 KU ini; dan
- (v) pelaburan RM5 juta yang dibuat dalam ST pada 1.3.2015 layak diberi potongan memandangkan saham telah dipegang bagi tempoh melebihi 3 tahun sebelum tarikh pelupusan pada 15.12.2018. Saham tambahan RM200,000 yang dilabur pada 1.3.2018 tidak layak diberi potongan kerana saham dipegang bagi tempoh kurang daripada 3 tahun sebelum pelupusan.

Elyias adalah seorang bujang dan tidak mempunyai tuntutan potongan atau pelepasan yang lain. Dia mendapat perakuan daripada SSM (seperti yang disebut dalam perenggan 7.3 KU ini) apabila saham Robot Malaysia Sdn Bhd dilupuskan dan membuat tuntutan potongan untuk pelaburan dalam ST.

Pengiraan pendapatan bercukai dan cukai yang kena dibayar oleh Elyias adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	2016 RM	2017 RM	2018 RM
Pendapatan larasan perniagaan	2,000,000	3,500,000	6,000,000
Potongan bagi pelaburan dalam ST	-	-	5,000,000
Pendapatan larasan	-	-	1,000,000
Elaun modal	100,000	100,000	100,000
Pendapatan berkanun perniagaan	1,900,000	3,400,000	900,000
Dividen	TIADA	TIADA	TIADA
Pendapatan agregat / Jumlah pendapatan	1,900,000	3,400,000	900,000
Pelepasan diri	9,000	9,000	9,000
Pendapatan bercukai	1,891,000	3,391,000	891,000
Cukai yang kena dibayar RM1,000,000 pertama Baki @ 28%	238,650 <u>249,480</u> <u>488,130</u>	238,650 <u>669,480</u> <u>908,130</u>	
RM600,000 pertama Baki @ 26%			113,650 <u>75,660</u> <u>209,310</u>

Contoh 4

Pada 2.11.2017, Empress Sdn Bhd, sebuah syarikat pemegangan pelaburan telah membuat pelaburan sebanyak RM10 juta di dalam Synergy Sdn Bhd, sebuah SMT yang mempunyai maklumat seperti berikut:

- (a) Pada 31.5.2016, Synergy Sdn Bhd memperolehi pelaburan sebanyak 2 juta saham (@ RM1 sesaham) di dalam Aeroscape Sdn Bhd (4 juta saham modal berbayar), sebuah ST dalam bidang aeroangkasa di mana ianya adalah satu aktiviti perniagaan berasaskan teknologi yang disenaraikan dalam Garis Panduan Insentif Cukai Modal Teroka yang dikeluarkan oleh SSM.

- (b) Pada 1.3.2020, Aeroscape Sdn Bhd mendapat dana tambahan sebanyak 2 juta saham (@ RM1 sesaham) untuk digunakan sebagai modal kerja untuk pembangunan dan pemasaran keluaran. Synergy Sdn Bhd memperoleh 50% daripada saham tambahan dengan kos RM1 juta.

Pada 3.12.2020, Empress Sdn Bhd telah melupuskan kesemua sahamnya di dalam Synergy Sdn Bhd dan merealisasikan keuntungan sebanyak RM8 juta.

Empress Sdn Bhd mendapat perakuan daripada SSM (seperti yang disebut dalam perenggan 7.3 KU ini) apabila saham Synergy Sdn Bhd dilupuskan dan membuat tuntutan potongan untuk pelaburan dalam SMT.

Empress Sdn Bhd mempunyai pendapatan larasan perniagaan bagi setiap tahun berakhir 31 Disember seperti berikut:

Tahun Taksiran	2018 RM	2019 RM	2020 RM
Pendapatan larasan	8,000,000	5,000,000	3,000,000
Elaun modal	1,000,000	1,000,000	1,000,000

Memandangkan Empress Sdn Bhd telah melupuskan pelaburan di dalam SMT pada tahun taksiran 2020, beliau layak menuntut potongan sebanyak RM10 juta atas kos pelaburan saham dalam SMT bagi tahun taksiran 2020 kerana:

- (a) pada tarikh pelupusan iaitu 3.12.2020, Synergy Sdn Bhd mempunyai pelaburan sebanyak 50% daripada saham-saham di dalam Aeroscape Sdn Bhd;
- (b) Empress Sdn Bhd telah mendapat perakuan daripada SSM yang mengesahkan butiran relevan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 7.3 KU ini;
- (c) pelaburan RM10 juta yang dibuat dalam SMT pada 2.11.2017 layak diberi potongan memandangkan saham telah dipegang bagi tempoh melebihi 3 tahun daripada tarikh pelaburan dibuat; dan
- (d) Synergy Sdn Bhd mempunyai, secara purata dalam tempoh 3 tahun, 50% daripada dana pelaburannya dalam Aerospace Sdn Bhd.

Pengiraan pendapatan bercukai dan cukai yang kena dibayar oleh Empress Sdn Bhd (modal berbayar RM5 juta) adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	2018 RM	2019 RM	2020 RM
Pendapatan larasan perniagaan	8,000,000	5,000,000	3,000,000
Potongan bagi pelaburan dalam SMT	-	-	3,000,000*
Pendapatan larasan	8,000,000	5,000,000	-
(-) Elaun modal	1,000,000	1,000,000	-*
Pendapatan berkanun perniagaan / Pendapatan bercukai	7,000,000	4,000,000	-
Cukai yang kena dibayar @ 24%	1,680,000	960,000	-

Nota (*) : Potongan yang dibenarkan adalah terhad kepada amaun pendapatan larasan perniagaan. Baki RM7 juta (RM10 juta – RM3 juta) pelaburan dan elaun modal RM1 juta yang belum dituntut akan dibawa hadapan untuk diserap dalam tahun taksiran 2021.

8. Saling Eksklusif

Sebuah SMT yang telah memohon untuk pengecualian cukai di bawah perenggan 6 KU ini dan menerima perakuan daripada SSM tidak berhak untuk memohon potongan cukai di bawah perenggan 7 KU ini bagi keseluruhan tempoh pengecualian cukai. Ini adalah kerana kedua-dua insentif tersebut adalah saling eksklusif.

Contoh 5

Pada 1.3.2015, dua pelabur lain telah melabur dalam Robot Malaysia Sdn Bhd (ST yang sama di **Contoh 3**) seperti berikut:

- (a) Rich Bhd, sebuah SMT yang menikmati pengecualian cukai sejak tahun taksiran 2014 di bawah P.U.(A) 75/2005 seperti yang dinyatakan di perenggan 2.3 KU ini, membeli 25% daripada 10 juta saham dalam Robot Malaysia Sdn Bhd dengan kos RM2.5 juta; dan
- (b) Super Chemicals Sdn Bhd, sebuah syarikat pembuatan mengambil 25% daripada 10 juta saham dengan kos RM2.5 juta.

Kedua-dua pelabur melupuskan pelaburan mereka dalam ST pada 15.12.2018.

Memandangkan Rich Bhd, sebuah SMT yang sedang menikmati pengecualian cukai di bawah P.U.(A) 75/2005, SMT tersebut tidak layak mendapat potongan cukai atas amaun yang dilaburkan sebagai pelaburan saham dalam ST.

Sekiranya Super Chemicals Sdn Bhd memenuhi semua kriteria dalam P.U.(A) 117/2022 seperti yang dinyatakan dalam perenggan 7 KU ini, syarikat layak mendapat potongan atas kos pelaburan saham.

9. Insentif Cukai bagi Sebuah Syarikat Pengurusan Modal Teroka

Sebuah SPMT mestilah berdaftar dengan SSM mengikut Garis Panduan mengenai Pendaftaran SMT dan Ekuiti Swasta dan Syarikat Pengurusan yang dikeluarkan oleh SSM.

9.1 Pengecualian cukai

Menurut Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.3) 2022 [P.U.(A) 116/2022], mulai tahun taksiran 2018 hingga tahun taksiran 2026, sebuah SPMT yang berdaftar dengan SSM dikecualikan daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperolehi daripada pengurusan dana SMT berhubung dengan:

- (a) bahagian keuntungan;
- (b) fi pengurusan; dan
- (c) fi prestasi termasuk bonus prestasi dan faedah dibawa (*carried interest*)

atas apa-apa pelaburan yang dibuat oleh SMT seperti yang ditetapkan dalam perjanjian yang dimeterai antara SPMT dan SMT. SMT tersebut perlu mendapatkan perakuan daripada SSM bagi pengecualian cukai di bawah P.U.(A) 115/2022.

9.2 Kerugian dalam tempoh pengecualian

Jika suatu SPMT mengalami kerugian daripada pengurusan dana SMT dalam suatu tempoh asas bagi mana-mana tahun taksiran dalam tempoh pengecualian, kerugian berkenaan hendaklah dibawa ke hadapan selepas tempoh pengecualian dan dipotong daripada pendapatan berkanun yang diperolehi daripada pengurusan dana SMT sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 9.1 di atas.

9.3 Akaun berasingan

SPMT hendaklah menyenggara suatu akaun yang berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada pengurusan dana SMT (seperti perenggan 9.1 di atas) dalam tempoh asas bagi setiap tahun taksiran dan pendapatan itu hendaklah dianggap sebagai suatu sumber perniagaan yang berasingan dan berlainan bagi SPMT tersebut.

Contoh 6

Sebuah SPMT telah ditubuhkan pada tahun 2018. Pada tahun 2019, SPMT telah menguruskan dana SMT di mana SMT tersebut telah membuat pelaburan pertamanya dan melabur 80% daripada dana pelaburannya dalam sebuah ST dalam bentuk pembiayaan permulaan. ST berkenaan terlibat dalam kejuruteraan genetik yang tersenarai sebagai aktiviti perniagaan berasaskan teknologi.

Memandangkan SMT tersebut telah mendapatkan perakuan daripada SSM bagi pengecualian cukai di bawah P.U.(A) 115/2022, SPMT layak mendapat pengecualian daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperolehi daripada pengurusan dana SMT tersebut.

10. Permohonan Perakuan Pelaburan untuk Pengecualian Cukai dan Potongan Cukai dalam suatu Syarikat Teroka dan Syarikat Modal Teroka

Permohonan untuk perakuan tahunan bagi tujuan pengecualian cukai dan potongan cukai hendaklah dibuat kepada SSM dengan melengkapkan borang yang relevan dan mengemukakan dokumen berkaitan sepertimana yang dijelaskan dalam Garis Panduan Insentif Cukai Modal Teroka yang boleh diperolehi daripada laman sesawang SSM.

11. Kemaskini dan Pindaan

KU ini menggantikan KU No. 2/2016 bertarikh 9 Mei 2016.	Pindaan	
	Kandungan KU ini telah dipinda dan dikemaskini seperti berikut:	
	Perenggan	Pindaan
	2.3, 3.5, 4.2, 4.3, 5, 6, 6.1, 6.2, 6.3, 6.4, 7, 9, 10, Contoh 1, Contoh 2, Contoh 3 dan Contoh 5	Perenggan-perenggan dan contoh-contoh ini dipinda

	Pindaan	
	Perenggan	Pindaan
	7.1.1 dan 7.1.2	Perenggan 7.1 sebelum ini dipinda dan dinomborkan semula sebagai perenggan 7.1.1 dan 7.1.2
	7.3	Perenggan 7.2 sebelum ini dipinda dan dinomborkan semula sebagai perenggan 7.3
	9.1	Perenggan 9 sebelum ini dipinda dan dinomborkan semula sebagai perenggan 9.1
	4.4, 4.5, 6.2(b), 7.2, 7.4, 9.2, 9.3, 11, 12, Contoh 4 dan Contoh 6	Perenggan-perenggan dan contoh-contoh baru dimasukkan

12. Penafian

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**